



اينسيتوت فنكايمايقن مگورو

INSTITUT PENDIDIKAN GURU

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KAMPUS DARULAMAN, 06000 JITRA

KEDAH DARUL AMAN



BUKU LOG

UNIT BERUNIFORM

PERGERAKAN PUTERI ISLAM MALAYSIA (PPIM)

DISEDIAKAN OLEH :

NURUL AQILAH BINTI ABU BAKAR

PISMP SEMESTER 3, BAHASA MELAYU 4

MPU3062

KOKURIKULUM (UNIT BERUNIFORM)

BIODATA



Nama : Nurul Aqilah Binti Abu Bakar

Tarikh Lahir : 11 Oktober 2001

No. K/P : 011011-08-0370

No. Telefon : 011-20994121

Alamat : 27, Lorong Sinar 7, Taman Sinar,
14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Program : Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan

Unit : Bahasa Melayu 4 Jun 2020

Angka Giliran : 2020182340086

Mentor : Dr. Noor Zila Binti Md. Yusuf

Pensyarah : Dr. Rohani Binti Seman

Jawatan : Ahli Aktif



PENGHARGAAN

Pertamanya, syukur ke hadrat Illahi kerana mengurniakan saya kesihatan yang baik sepanjang menyiapkan tugas ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah saya, Dr. Rohani Binti Seman atas tunjuk ajar yang diberikan sehingga saya mampu menyiapkan tugas ini.

Selain itu, penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga saya yang banyak membantu dalam hal tenaga dan kewangan. Tidak dilupakan juga rakan-rakan yang banyak membantu dan memberikan semangat.

Tugas ini juga telah membantu saya dalam proses mengulangkaji pelajaran dan saya berharap akan mendapat pencapaian yang sangat baik dalam mata pelajaran ini. Semoga kerja kursus seperti ini akan terus dijalankan pada masa yang akan datang untuk meningkatkan pengetahuan para pelajar.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan tugas ini. Saya juga ingin memohon kemaafan seandainya terdapat kesalahan yang tidak disengajakan dalam tugas ini.

ISI KANDUNGAN

| | | |
|-----|---|-------|
| 1. | BIODATA | 2 |
| 2. | PENGHARGAAN | 3 |
| 3. | ISI KANDUNGAN | 4-5 |
| 4. | FALSAFAH PPIM | 6 |
| 5. | MATLAMAT PPIM | 7 |
| 6. | OBJEKTIF PPIM | 8 |
| 7. | PELEMBAGAAN PERTUBUHAN | 9 |
| 8. | LOGO PPIM | 10 |
| 9. | BENDERA PPIM | 11 |
| 10. | MOTO/COGAN KATA PPIM | 12 |
| 11. | LAGU PUTERI | 13 |
| 12. | IKRAR PUTERI | 14 |
| 13. | SULUH KATA PPIM | 15 |
| 14. | SEJARAH PPIM - Sejarah Pengasas/Penubuhan - Sejarah Penubuhan PPIM | 16-17 |
| 15. | TUJUAN PENUBUHAN PPIM | 18 |
| 16. | ISTIADAT-ISTIADAT RASMI | 19-20 |
| 17. | PERSEDIAAN TATACARA PERJUMPAAN DAN PENUTUPAN | 21 |
| 18. | STRUKTUR ORGANISASI | 22-28 |
| | a. Peringkat Kebangsaan | 22 |
| | b. Peringkat Negeri/Daerah/IPG | 23-26 |
| | c. Peringkat Sekolah dan Kumpulan | 27-28 |

| | | |
|-----|--|-------|
| 19. | FUNGSI MAJLIS TADBIR | 29 |
| 20. | PENDAFTARAN AHLI DAN KUMPULAN | 30 |
| 21. | KUASA PENGANJUR | 31 |
| 22. | STRUKTUR UNIT | 32 |
| 23. | PENGURUSAN FOLIO/BUKU LOG/LAPORAN AKTIVITI | 33 |
| 24. | TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN | 34 |
| 25. | PAKAIAN SERAGAM AHLI DAN PEMIMPIN | 35-38 |
| 26. | TAKWIM DAN RANCANGAN AKTIVITI | 39-48 |
| 27. | ASMAUL HUSNA | 49 |
| 28. | TASBIH KIFARAH | 50 |
| 29. | DOA PERJUMPAAN/PENUTUPAN | 51-54 |
| 30. | DOA-DOA HARIAN | 55 |
| 31. | RUKUN ISLAM | 56 |
| 32. | RUKUN IMAN | 56 |
| 33. | ZIKIR MUNAJAT | 57 |
| 34. | LAPORAN AKTIVITI | 58-60 |
| 35. | RUJUKAN | 61 |
| 36. | LAMPIRAN | 62-66 |



FALSAFAH PPIM

PPIM adalah sebuah pergerakan berpakaian seragam yang bergerak pada peringkat Kebangsaan, Negeri, dan Daerah di Institut Pengajian Tinggi, Maktab-maktab Perguruan dan sekolah-sekolah menengah dan rendah. Aktivitinya dijalankan sebagai Ko-Kurikulum secara formal dan tidak formal adalah bertujuan membimbing puteri-puteri ke arah penyuburan dan pengembangan potensi-potensi diri secara menyeluruh dan bersepadu demi mewujudkan insan PUTERI yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada ALLAH S.W.T. Usaha ini adalah bertujuan untuk menterjemahkan ke dalam diri PUTERI ciri-ciri rakyat Malaysia yang berilmu, pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri serta mampu dan bersedia memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran bangsa, masyarakat dan negara selaras dengan ajaran Islam.

MATLAMAT PPIM

- ❑ Mengimbangkan antara perkembangan intelektual, sosial, fizikal dan spiritual puteri-puteri melalui penyemaian, penyuburan dan pengukuhan nilai-nilai pendidikan.
- ❑ Mengukuhkan perhubungan dan pertalian silaturrahim di kalangan puteri-puteri.
- ❑ Meningkatkan minat dan bakat puteri-puteri di dalam pelbagai bidang gerak kerja kokurikulum sekolah, institut, maktab, kolej dan universiti.
- ❑ Meningkatkan disiplin diri puteri-puteri.
- ❑ Menggalakkan iklim persekolahan yang terbuka dan menyeronokkan.
- ❑ Meningkatkan kerjasama dan sumbangan dua hala antara sekolah dengan ibubapa dan masyarakat, khasnya masyarakat setempat.


OBJEKTIF PPIM

Objektif Pergerakan Puteri Islam Malaysia di peringkat institusi pengajian tinggi bertujuan :

- ✚ Melahirkan pemimpin yang cekap, berketrampilan, berwibawa, berdedikasi dan mempunyai wawasan bagi mewujudkan masyarakat remaja yang mampu:
 - ✓ Menghayati dan mengamalkan ketaatan kepada Allah S.W.T., Rasul S.A.W dan pemerintah serta cintakan Negara.
 - ✓ Menguasai berbagai bidang ilmu.
 - ✓ Berakhlak mulia.
 - ✓ Berbakti kepada masyarakat tanpa mengira keturunan dan masyarakat.
- ✚ Membimbing para pemimpin pelatih PUTERI dari segi intelek, akhlak, emosi, rohani dan jasmani supaya menjadi insan kamilah, berilmu, berdaya maju, berdaya juang, berdaya tahan dan berketrampilan.
- ✚ Menyemai rasa cinta dan selesa dengan ajaran Islam supaya hidup mereka kelak berasaskan jalan yang diredhai Allah S.W.T. dan dapat berbakti kepada keluarga, agama, bangsa dan Negara.
- ✚ Membentuk sebuah kumpulan yang beridentiti sendiri dan berwawasan, progresif,berfikiran terbuka serta mampu menjadi penggerak masyarakat.
- ✚ Mengukuh persaudaraan antara generasi muda dan menghormati generasi tua serta menjadi penghubung kesinambungan antara generasi lama dan baru.

PERLEMBAGAAN BADAN BERUNIFORM


(PPIM)



Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan susunan Perlembagaan Badan Beruniform PPIM. Dalam membina Perlembagaan Badan Beruniform PPIM, setiap elemen yang terdapat dalam Rajah 1 perlu dikemukakan dengan jelas mengikut urutan. Rujuk Lampiran untuk contoh Perlembagaan Badan Beruniform PPIM Sekolah Kebangsaan Kolapis.

LOGO PPIM



- Logo PPIM dibentuk dengan suatu lingkungan bulat berwarna hijau diapit dengan lingkungan berwarna kuning dan di dalam lingkungan hijau itu bertulis PERGERAKAN PUTERI ISLAM MALAYSIA
- Di tengah logo tersebut terdapat satu bulatan PUTIH dan di dalamnya ditulis dengan huruf jawi Permulaan daripada perkataan "PERGERAKAN PUTERI ISLAM." (Pa Pa Alif)
- Di bawah logo ini tertulis perkataan :- "PUTERI"- Bagi Ahli-Ahli Puteri

PENGERTIAN WARNA

- Merah Samar : Melambangkan keharmonian dan kelembutan
- Hijau : Agama, Taqwa sebagai TERAS
 - Putih : Kesucian
 - Kuning : Kesetiaan dan ketaatan

BENDERA PPIM




Bendera PPIM berbentuk segiempat, berwarna merah jambu, dan ditengah-tengah terdapat lencana pergerakan. Ukuran lencana adalah sepertiga daripada ukuran bendera.

KEDUDUKAN BENDERA SEMASA PERHIMPUNAN

| | | |
|----------------|------------------|--------------|
| Bendera Negeri | Bendera Malaysia | Bendera PPIM |
|----------------|------------------|--------------|

MOTO/COGAN KATA PPIM



LAGU PUTERI



LAGU PERGERAKKAN PUTERI ISLAM MALAYSIA

Puteri Lembaga Islam Riang Gembira
Tetap Taat Kepada Allah Dan Raja
Berkorban Untuk Agama Dan Negara
Dunia Akhirat Mendapat Bahagia

Berusaha Mencari Pengetahuan
Berbakti Membuat Kebajikan
Belajar Mencapai Kemajuan
Bersemangat Penuh Keimanan

Puteri Lembaga Islam Riang Gembira
Tetap Taat Kepada Allah Dan Raja
Berkorban Untuk Agama Dan Negara
Dunia Akhirat Mendapat Bahagia

IKRAR PUTERI

Bahawa kami, ahli-ahli Pergerakan Puteri
Islam Malaysia, berikrar akan;

Taat kepada Allah, rasul, pemerintah, guru
dan ibubapa

Memperkukuhkan iman dan memperbaiki
akhlak

Membangunkan diri dengan sempurna

Mengukuhkan silaturrahim sesama puteri

Berkhidmat untuk keluarga, masyarakat dan
negara

SULUH KATA PPIM

| | |
|----------|---------------------------------------|
| P | Patuh dan taat kepada Allah dan Rasul |
| U | Ugama dijunjung adat dikelek |
| T | Taat kepada ibu dan ayah |
| E | Erat ukhuwah Islam sejagat |
| R | Rela berbakti kepada umat |
| I | Iman dipupuk ilmu dituntut |
| I | Iman dipupuk ilmu dituntut |
| S | Sembahyang di tunai setiap waktu |
| L | Larangan Allah mesti dijauhan |
| A | Akhlak mulia mengukuh iman |
| M | Mukminin mukminat rakyat seperjuangan |

SEJARAH PPIM

Sejarah Pengasas/Penubuhan

PPIM ditubuhkan awal tahun 1960-an oleh Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIIM).

LKPIIM diilhamkan oleh YMM Tunku Puan Besar Kurshiah, Raja Permaisuri Agong yang pertama.



Keanggotaan – untuk pelajar sekolah menengah.

Kurikulum – aktiviti keagamaan dan khidmat masyarakat yang bersifat memberi bantuan kepada golongan miskin.

Sejarah Penubuhan PPIM

Pelancaran rasmi PPIM adalah pada 17 Jun 1981 oleh DYMM Raja Permaisuri Agong ke-6, Almarhummah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang, Tengku Hajah Afzan binti Almarhum Tengku Panglima Perang, Tengku Muhammad Rahimahallah.



Bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia.

YA.Bhg. Toh Puan Norashikin Ismail dilantik sebagai Yang Di-Pertua PPIM Pertama.



17 Jun ialah sambutan Hari Puteri setiap tahun bagi memperingati kelahiran PPIM.

20 Jun 1987 – sambutan Hari Puteri pertama kali diadakan di peringkat kebangsaan.

Sejarah Penubuhan PPIM

2 Disember 1988 – diiktiraf sebagai sebuah pertubuhan yang berpelembagaan sendiri dan didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan.

Pada Hari Puteri 1988, anugerah 'Puteri Cemerlang' dan Piala Pusingan bagi Anugerah Tokoh Puteri telah diiktiraf oleh Majlis Pentadbir Kebangsaan PPIM.

Piala Pusingan disumbangkan oleh DYMM Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun.



Pada 11 September 1993, PPIM bergerak sebagai Pertubuhan Beruniform dalam Ko-Kurikulum (GERKO) di semua maktab perguruan di seluruh Malaysia.

23 November 1996, Skwad Puteri dilancarkan oleh Y.A.Bhg. Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.



Sejarah Penubuhan PPIM

Tujuannya meluaskan penglibatan remaja dan wanita lepasan sekolah dalam kerja-kerja khidmat masyarakat seperti bantuan kepada mangsa banjir dan program ziarah hospital.

8 April 2000, PPIM dilancarkan di institusi pengajian tinggi oleh Y.A.Bhg. Datin Seri Endon Mahmood (Allahyarhamah) di Universiti Islam Antarabangsa.



Ibu pejabat PPIM pada awal 2004, di bawah kepimpinan Y.Bhg. Puan Sri Hajah Hazizah Haji Tumin (Allahyarhamah) telah berpindah ke Darul Puteri.



Perasmian Darul Puteri telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah binti Almarhum Tengku Abdul Rashid pada 24 Ogos 2005.



24 Mac 2007 - kekosongan jawatan Yang Dipertua diisi oleh Y.Bhg. Datin Hajah Badiah Abdul Manan hingga kini.



TUJUAN PENUBUHAN PPIM

Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM) adalah sebuah pergerakan berpakaian seragam yang bergerak secara sukarela di sekolah-sekolah rendah, menengah, institut dan Institut Pendidikan Guru serta Institusi Pengajian Tinggi di seluruh Malaysia. Aktiviti PPIM dijalankan bertujuan untuk membimbing puteri-puteri ke arah penyuburan dan pengembangan potensi-potensi diri secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Allah S.W.T.

ISTIADAT-ISTIADAT RASMI

□ MAJLIS RASMI

- Semua hadirin berdiri
- Tetamu disambut dengan Salawat Nabi
 - Asma Al-Husna
 - Lagu Puteri
- Tetamu dan hadirin duduk
 - Bacaan doa
- Majlis dilangsungkan
 - Tasbih Kaffarah
 - Surah Al-Asr

1. TATACARA DI DALAM DEWAN

□ CERAMAH

-Ketua Puteri (Kpu) Memberi arahan :

1. " Up"

(Semua ahli berdiri)

2. Kpu memberi laporan

" Kami **peserta Kursus Kepimpinan Asas Pergerakan Puteri Islam Malaysia** seramai lapan puluh lapan orang sedia mendengar ceramah puan"
(Perkataan yang berhuruf condong disebut secara beramai-ramai)

3. Pengerusi memulakan majlis dengan bacaan Surah Al Fatihah

4. Pengerusi memperkenalkan penceramah (jika penceramah jemputan)

- Setelah tamat ceramah

1. Pengerusi mengucapkan terima kasih.

2. Sudahi dengan tasbih kafarah dan surah Al Asr

- Kpu memberi arahan :

1." Up" (Semua ahli berdiri)

2. "Terima kasih puan"

- Penceramah meninggalkan majlis diiringi oleh Pengerusi

2. TATACARA PERJUMPAAN

LANGKAH 1

- 1.1 Ketua Pasukan / Ketua Kumpulan melakukan latihan **Kawad Kaki Asas**

**BARIS, SENANG DIRI
BARIS, BARIS SEDIA
KE KANAN LURUS
PANDANG DEPAN, DARI BELAKANG NOMBOR**

- 1.2 Ketua Puteri memberi arahan :-

KEKUATAN PASUKAN / KUMPULAN, LAPOR

- 1.3 Ketua Pasukan / Ketua Kumpulan melapor

**PASUKAN (Nama Pasukan) 45 CUKUP
PASUKAN (Nama Pasukan) 39 daripada 43**

- 1.4 Ketua Puteri (Pusing pandang menghadap tiang bendera. Pasukan sudah bersedia)

- 1.5 Ketua Puteri berkawad menemui Ketua Guru Pemimpin / Guru Pemimpin..
Ucapkan Salam sambil bersalaman dan mohon :

**IZINKAN SAYA MEMULAKAN TATACARA
PERJUMPAAN**

- 1.6 Guru menjawab –

SILAKAN

- 1.7 Ketua Puteri membalas –

TERIMA KASIH PUAN

LANGKAH 2

- 2.1 Ketua Puteri balik ke hadapan barisan untuk menjalankan Tatakara Perjumpaan.

BACAAN DOA

- 2.2 Ketua Puteri memanggil

PEMBACA DOA SEDIA

- 2.3 Pembaca Doa keluar, berdiri di sebelah Ketua Puteri dan memberi arahan :

i) **UP**

ii) **AL-FATHIAH**
(Surah Al fatihah dibaca serentak oleh semua dengan kuat)

- iii) Membaca Doa Perjumpaan dan diaminkan oleh semua.
iv) Memberi arahan :

UP (bawa tangan ke muka, baru turun tangan ke sisi)

- v) Bacaan Asmaul Husna bersama-sama

NAS ALUKA YA

- vi) Pembaca Doa berodar balik ke dalam barisan

MENAIKKAN BENDERA

- 2.4 Ketua Puteri memanggil

PENAIK BENDERA, SEDIA
(Tiga orang penaik bendera keluar berdiri di tiang bendera dan bersedia untuk acara menaikkan bendera)
Kedudukan bendera: PPIM (kiri), Malaysia (tengah), Sabah* (Kanan).

- 2.5 Ketua Puteri (menghadap bendera) memberi arahan :

NEGARAKU – MULA
Ketiga-tiga bendera dinaikkan serentak dengan perlahan. Bendera Malaysia lebih tinggi sedikit kedudukannya daripada bendera PPIM dan bendera Sabah*.

- 2.6 Penaik bendera ikat tali pada tiang bendera. Puteri ditengah memberi Arahan :

SIAP - undur selangkah ke belakang

- 2.7 Ketua Puteri memberi arahan :

LAGU PUTERI MULA

- 2.8 Penaik Bendera (Puteri di tengah) memberi arahan :

KE KANAN PUSING.....
(ketiga-tiga berkawat balik ke dalam barisan. Puteri yang terakhir sampai akan sebut –
SIAP

LAFAZ IKRAR PUTERI

- 2.9 Ketua Puteri memberi arahan :

UP (Semua Puteri serentak mengangkat tangan untuk bacaan ikrar yang diketuai oleh Ketua Puteri)

- 2.10 Ketua Puteri memberi arahan :

UP (Turun tangan ke sisi)

PEMIMPIN MEMBERI TAKLIMAT ATAU TUGASAN

- 2.11 Pemimpin datang ke hadapan Puteri

- 2.12 Ketua Puteri melaporkan :

**KAMI , PASUKAN (nama pasukan -- disebut beramai-ramai serentak)
SERAMAISIAP SEDIA UNTUK
MENERIMA ARAHAN PUAN
BARIS , SENANG DIRI**

- 2.13 Guru Pemimpin memberi salam -- dijawab serentak oleh semua PUTERI
Guru Pemimpin menyampaikan taklimat atau aktiviti yang akan dijalankan sepanjang hari berkenaan.

- 2.14 Ketua Puteri memberi arahan :

**BARIS, BARIS,,, SEDIA
TERIMA KASIH PUAN**

Ketua Puteri pusing menghadap barisan dan memberi arahan :

KELUAR BARIS

- 2.16 Puteri mengambil peralatan / bag untuk pergi ke tempat aktiviti

PERSEDIAAN TATACARA PERJUMPAAN

DAN PENUTUPAN

TATACARA PERMULAAN MAJLIS

LANGKAH 1

- 1.1 Para Pemimpin dan ahli mengambil tempat sebelum ketibaan VIP
- 1.2 Sewaktu ketibaan VIP semua yang berada di dewan berdiri sambil **berselawat** Hingga VIP sampai ke tempat duduk.
- 1.3 Hadirin termasuk peserta duduk selepas VIP duduk ditempat yang dikhaskan.

LANGKAH 2

- 2.1 Pengacara memulakan majlis :

MAJLIS DIMULAKAN DENGAN TATACARA PERJUMPAAN

*** ASMAUL HUSNA DAN LAGU PUTERI**

Semua yang hadir diminta berdiri untuk menyempurnakan Tatacara Majlis. Apabila selesai, tetamu khas duduk diikuti dengan semua hadirin.

- 2.2 Pengacara meneruskan majlis dengan menjemput Pembaca Doa.

TATACARA PENUTUPAN MAJLIS


LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN

- 3.1 Pengacara merakamkan terima kasih dan seterusnya menutup majlis dengan Bacaan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asry (hadirin membaca dalam keadaan Duduk)
- 3.2 Pengacara mempersilakan tetamu ke Jamuan / Pameran atau sebagainya
- 3.3 Sebelum bersurai hadirin bersalam-salaman


STRUKTUR DAN ORGANISASI

PPIM


PERINGKAT KEBANGSAAN



PERINGKAT NEGERI




PERINGKAT DAERAH



PERINGKAT IPT (IPGK)



PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH



PERINGKAT SEKOLAH RENDAH



FUNGSI MAJLIS TADBIR

Memperkasa dan memartabatkan profesionalisme ahli di dalam bidang masing-masing dan seterusnya menjadi contoh/rujukan kepada semua pihak.

Menjadi salah satu institusi yang menggerak, mengeratkan dan mengukuhkan hubungan kebajikan, kerjasama dan kesejahteraan bekerja sesama ahli.

Menjalin hubungan dan kerjasama dengan badan dan pertubuhan lain yang mempunyai matlamat dan kepentingan yang serupa.

Menjadi saluran rasmi kepada ahli untuk bertemu dan berbincang sesama ahli serta dengan pihak pengurusan yang berkaitan.

PENDAFTARAN AHLI DAN

KUMPULAN

Pendaftaran Ahli :

- a) Borang Kebenaran Ibu bapa :
 - ✓ Sebelum didaftarkan kebenaran daripada ibu bapa perlu diperolehi.
- b) Borang Ahli
 - ✓ Guru Pemimpin perlu mengedarkan Borang Ahli kepada pelajar untuk diisi dan kemudian disampaikan kepada Jawatankuasa Perhubungan Negeri untuk mendapatkan Nombor Pendaftaran.
 - ✓ Keratan borang hendaklah dikembalikan kepada sekolah.
- c) Pendaftaran Pensyarah/Guru Pemimpin dan Ahli Tidak Beruniform
 - ✓ Guru-guru Pemimpin dan ahli-ahli tidak beruniform perlu mendaftar dengan menggunakan Borang Permohonan Menjadi Ahli (Tidak Beruniform). Borang hendaklah disahkan oleh Perhubungan Negeri dan keratan hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat PPIM.

Pembahagian ahli Mengikut Pasukan dan Menamakan Kumpulan :

- a) Jumlah ahli setiap pasukan tidak melebihi 40-50 orang dan terdiri daripada beberapa kumpulan.
- b) Setiap kumpulan adalah terdiri daripada 10-15 orang.
- c) Nama setiap kumpulan adalah terpulang kepada sekolah berkenaan.
- d) Nama setiap pasukan hendaklah ditentukan oleh negeri masing-masing mengikut format berikut:-
 - ✓ Pada tahun 1988 Sekolah Seri Puteri Kuala Lumpur menubuhkan PPIM dengan ahlinya seramai 85 orang.

KUASA PENGANJUR

- Menyelia dan mengawal kemajuan unit PPIM di tempatnya.
- Salah seorang daripada dua penurun tanda tangan rasmi bagi akaun simpanan atau semasa untuk unit PPIM itu.
- Meluluskan pendaftaran tahunan unit PPIM dengan ibu pejabat beruniform Pergerakan Puteri Islam Malaysia.
- Mengesahkan penyata akaun unit yang disediakan oleh pemimpin PPIM
- Mengesahkan sebarang persuratan rasmi yang berkaitan dengan unit PPIM di mana perlu.
- Meluluskan permohonan untuk aktiviti-aktiviti luaran.

STRUKTUR UNIT

| | |
|------------------------|---|
| PENGERUSI | <ul style="list-style-type: none"> ❖ Mempengerusikan setiap mesyuarat. ❖ Meneliti minit mesyuarat dan memastikan segala keputusan mesyuarat adalah wajar dan mengikut agenda yang ditetapkan. ❖ Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari semasa ke semasa. |
| NAIB PENGERUSI | <ul style="list-style-type: none"> ❖ Bertanggungjawab menjalankan tugas Pengerusi semasa ketiadaannya. ❖ Bertanggungjawab membantu Pengerusi menyelia tugas AJK Persatuan. ❖ Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari semasa ke semasa. |
| SETIAUSAHA | <ul style="list-style-type: none"> ❖ Mengurus surat-menyurat. ❖ Mencatat minit mesyuarat atau laporan. ❖ Menyimpan fail atau dokumen berkaitan dengan persatuan. |
| NAIB SETIAUSAHA | <ul style="list-style-type: none"> ❖ Membantu Setiausaha menjalankan segala tugas dan tanggungjawabnya. ❖ Berkerjasama dengan Setiausaha. ❖ Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke masa. ❖ Bekerjasama dengan Bendahari Kehormat dalam menyediakan Peruntukan Tahunan dan Penyata Kewangan. |
| BENDAHARI | <ul style="list-style-type: none"> ❖ Bertanggungjawab terhadap hal-hal kewangan persatuan. ❖ Membuat penyata dan menyimpan kira-kira berkenaan kewangan persatuan. ❖ Menasihati Jawatankuasa Persatuan dalam pengawasan kewangan dan audit. ❖ Menyediakan laporan perbelanjaan dan dibentangkan semasa mesyuarat agung. |
| AJK | <ul style="list-style-type: none"> ❖ Membantu menjalankan tugas dalam segala program dan aktiviti yang dilaksanakan dengan sebaik mungkin. ❖ Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan. |

PENGURUSAN FOLIO/BUKU LOG/LAPORAN

AKTIVITI

CARA MENULIS CATATAN/ AKTIVITI

1. Tarikh / hari :
2. Masa :
3. Tempat :
4. Tahap : puteri bongsu/puteri kecil
5. Aktiviti/ catatan :

Tatacara perjumpaan :

- d) Pengenalan PPIM
 - membaca ikrar dan menyalin dalam buku log
 - menyalin suluhkata PPIM
 - melukis logo PPIM
- e) Pendidikan rohani
 - ceramah/tayangan video
 - sumber makanan
 - adab semasa makan
 - makanan seimbang
 - doa sebelum dan selepas makan

Tatacara perjumpaan :

- a) Kesihatan dan Pembangunan diri
 - mencatat dan mengelaskan makanan
 - menampal gambar
- b) Pesanan guru pemimpin tentang aktiviti minggu seterusnya
- c) Tatacara Penutup :
 - membaca tasbih kafarah
 - membaca surah al-Asr
 - berselawat sambil bersalam

TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN

Pengerusi

- menjadi pengerusi mesyuarat, bertanggungjawab untuk memastikan segala mesyuarat dan aktiviti dijalankan mengikut perlembagaan.

Setiausaha

- menjalankan urusan persatuan mengikut perlembagaan, menyimpan minit dan surat, menulis laporan mingguan, menyimpan segala rekod dan menyediakan laporan tahunan persatuan.

Bendahari

- bertanggungjawab dalam hal kutipan kewangan persatuan, apabila ada kutipan berlaku beliau perlu menyerahkan wang dan senarai nama ahli terlibat kepada Guru Penasihat.

Menyediakan Keperluan Asas

- Pensyarah Pemimpin/Ketua Guru Pemimpin/Guru Pemimpin /Guru Pemimpin perlu membeli :

- a) Buku Perlembagaan

- b) Bendera PPIM
- c) Kaset lagu PPIM
- d) Lencana Pemimpin dan Puteri
- e) Kad Ahli
- f) Uniform - Kain merah jambu
- g) Buku Panduan Pemimpin
- h) Buku Pengurusan dan Pentadbiran PPIM
- i) Sukatan Pelajaran

Menyediakan Keperluan Asas

- a) Buku/Rekod Pendaftaran Ahli (Nama dan butir-butir peribadi)
- b) Buku/Rekod Kehadiran Pasukan
- c) Buku/Rekod Yuran Ahli
- d) Buku/Akaun (Penyata Kewangan)
- e) Lain-lain Keperluan : fail-fail / Buku Stok/ Cop-cop

PAKAIAN SERAGAM AHLI DAN

PEMIMPIN PPIM

- UNIFORM PUTERI SEKOLAH RENDAH



PAKAIAN SERAGAM AHLI DAN

PEMIMPIN PPIM

- UNIFORM PUTERI SEKOLAH MENENGAH



PAKAIAN SERAGAM AHLI DAN

PEMIMPIN PPIM

UNIFORM PEMIMPIN/JURULATIH



PAKAIAN SERAGAM AHLI DAN


PEMIMPIN PPIM

UNIFORM PUTERI PELATIH IPT



TAKWIM DAN RANCANGAN

AKTIVITI



TAKWIM DAN RANCANGAN

AKTIVITI

| | | |
|---|-----------------|--|
| 1 | Pengenalan PPIM | Tatacara perjumpaan 1.2 Sejarah 1.3 Falsafah 1.4 Objektif |
| 2 | Kerohanian | Pemahaman dan Pengukuhan Al-Quran dan Hadis melalui Aktiviti Kritis. 2.1 Kenabian dan Nabi-Nabi 2.2 Malaikat 2.3 Sifat 20 2.4 Asma Ul-Husna 2.5 Al-Quran 2.6 Hadith (mengenai berbagai topik) 2.7 Ayat Al-Quran <ul style="list-style-type: none">○ An Nissa (tentang berbagai topik)○ Luqman (tentang berbagai topik)○ Maryam (tentang berbagai topik) 2.8 Manusia sebagai Khalifah di Bumi 2.9 Adab dan Panduan Membaca Al-Quran |

| | | |
|---|--------------------------------------|--|
| 3 | Kesihatan dan Tugas Pembangunan Diri | <p>3.1 Maksud Kesihatan</p> <p>3.2 Citra (Imej) Diri</p> <p>3.2.1 Kebersihan Diri (Fizikal)</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Penjagaan kulit muka. ○ Penjagaan kaki, tangan, telinga, mulut dan rambut. <p>3.2.2 Pakaian / Alas Kaki / Stokin</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ memilih / mendobi / menjaga ○ merawat, menghilangkan tanda <p>3.2.3 Penampilan Diri</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ cara duduk, berjalan, bercakap <p>3.3 Pembangunan Diri</p> <p>3.3.1 Perubahan diri (remaja)</p> <p>3.3.2 haid</p> <p>3.3.3 cara mandi wajib, hormon percintaan</p> <p>3.4 Makanan Dan Pemakanan</p> <p>3.4.1 Asas Pemakanan</p> <p>3.4.2 Kandungan dan nilai.</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ pilihan makanan : <ul style="list-style-type: none"> i. makanan untuk mandiri ii. makanan segera iii. makanan untuk orang sakit. iv. makanan untuk kanak-kanak. v. sarapan. ○ cara memasak ○ cara menghidang ○ cara mengemas dan membersih |
| 4 | Keluarga dan Masyarakat | <p>4.1 Kitaran Hidup</p> <p>4.1.1 Peringkat-peringkat umur dan ciri-ciri setiap peringkat.</p> <p>4.1.2 Tugas dan tanggungjawab jenis setiap peringkat.</p> <p>4.2 Pengenalan diri</p> <p>4.2.1 Siapa saya</p> <p>4.2.2 Perbezaan lelaki dan wanita</p> <p>4.2.3 Tugas-tugas pembangunan diri</p> <p>4.3 Khidmat Masyarakat</p> <p>4.3.1 Gotong-royong</p> <p>4.3.2 Derma pakaian / duit / buku terpakai</p> <p>4.3.3 Lawatan ke rumah orang tua, anak-</p> |

| | | |
|---|-----------|--|
| | | <p>anak yatim. 4.3.4 hospital, kanak-kanak cacat / istimewa.</p> |
| 5 | Kemahiran | <p>5.1 Seni dan Budaya</p> <p>5.1.1 Seni pertahankan diri</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ silat ○ taekwando ○ tai chi <p>5.1.2 Apresiasi Seni (Semua jenis)</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Drama b. Pantomin c. Seni Suara:- <ul style="list-style-type: none"> - nyanyi - koir - nasyid - lagu patriotik d. Sketsa e. Puisi:- <ul style="list-style-type: none"> -Sajak - syair - gurindam - pantun f. Gimrama, Gimnastik, Artistik, Senamrobik. <p>5.1.3 Seni halus</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Tekat b. Sulaman c. Jahitan (asas) <ul style="list-style-type: none"> ○ Sembat ○ Jelujur ○ Merangka pola ○ Tampil jerumut ○ Jahitan manik d. Tenunan e. Anyaman <ul style="list-style-type: none"> ○ Bakul ○ Ketupat ○ Tikar ○ Saji f. Mambatik <ul style="list-style-type: none"> ○ Cap canting |

| | | |
|--|--|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> ○ Ikat ○ Celup g. Ukiran <ul style="list-style-type: none"> ○ Buah ○ Kayu ○ Sabun h. Seramik termasuk hiasan i. Cengkerang j. Lipatan <ul style="list-style-type: none"> ○ Origami ○ Kain ○ Surviette k. Gubahan <ul style="list-style-type: none"> ○ Buah ○ Riben 5.1.4 Seni Cetak <ul style="list-style-type: none"> a. T-Shirt b. Kad c. Proses percetakan, penjilidan, Roses top publishing 5.1.5 Seni Lukis <ul style="list-style-type: none"> a. Kolaj b. Catan c. Lukisan 5.1.6 Seni khat |
| | | <p>5.2 Celik komputer</p> <ul style="list-style-type: none"> 5.2.1 Asas 5.2.2 Grafik 5.2.3 Typesetting |
| | | <p>5.3 Pengurusan Rumah Tangga</p> <ul style="list-style-type: none"> 5.3.1 Menjaga / Mengemas / membersihkan (dalam rumah) <ul style="list-style-type: none"> ○ bilik tidur ○ dapur ○ tandas ○ stor 5.3.2 Menjaga & Membersih (luar rumah) <ul style="list-style-type: none"> ○ Taman (lanskap) ○ Kolam Ikan |

| | | |
|---|----------------------------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> ○ Kolam Renang ○ Air pancut mini <p>5.3.3 Hiasan Dalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Skima warna ○ Pilihan Fabrik ○ Mengatur Perabot ○ Menjaga perhiasan (tembaga, perak) ○ Menjaga kaca & cermin ○ Menjaga tikar getar, jerami, plastik, permaidani, pandan, mengkuang. <p>5.4 Ekonomi</p> <p>5.4.1 Merancang ekonomi</p> <p>5.4.2 Asas Perniagaan</p> |
| 6 | Rekreasi Dan Aktiviti Luar | <p>6.1 Perkhemahan</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ mendirikan Khemah ○ ikatan ○ gajet ○ masakan ○ kawad. <p>6.2 Aktiviti Luar</p> <p>6.2.1 Sukan dan Permainan</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Dalam (cator, saidina, shahiba, dart) ○ Luaran:- <ol style="list-style-type: none"> i. Gelanggang (Bola jaring, Bola Tampar, dll.) ii. Padang (Lawn Bowl, Lompat Jauh, Lompat Tinggi dll.) <ul style="list-style-type: none"> · Tradisional - congkak, seremban, gelang panjang. |

| | | |
|---|-------------------|---|
| | | <p>6.2.2 Kembara / Orienteering</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ mendaki gunung ○ membaca kompas ○ membaca peta <p>6.2.3 Aktiviti Lasak</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Berkeno (Canoeing) ○ Berakit ○ Flying fox ○ Rope Crossing ○ River Crossing ○ Absailing ○ Memanah ○ Berkuda ○ Berbasikal Lasak ○ Mendaki ○ Menembak <p>6.2.4 Sukan/Air</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Berenang ○ Snorkeling ○ Permainan Pantai (Bola Tampar, Istana Pasir) ○ Berkelah |
| 7 | Pertolongan Cemas | <p>7.1 Memahami tentang Kecederaan dan Rawatan</p> <p>7.2 Alat dan Bahan Berbahaya : Tahu cara penggunaan dan penjagaan yang betul.</p> <p>7.3 Anduh dan balutan</p> <p>7.4 Kotak Pertolongan Cemas</p> <p>7.5 Mengetahui tentang kemalangan di rumah yang berpunca daripada kelalaian.</p> <p>7.6 Cara rawatan kemalangan di dalam dan di luar rumah.</p> <p>7.7 Cara memberi rawatan kecemasan.</p> <p>7.8 Mendapat Pendedahan dan tahu melaksanakan. 7.9 Tahu membantu Teknik-teknik kelahiran kecemasan.</p> <p>7.10 Bersalin</p> |

| | | |
|---|--------------|--|
| 8 | Alam Sekitar | <p>8.1 Alam Sekitar Sebagai Kitabullah Yang Kedua.</p> <p>8.2 Alam Sekitar Sebagai Amanah</p> <p>8.3 Pencemaran dan Degradasi Alam Sekitar dari sudut Al-Quran.</p> <p>8.4 Pemeliharaan Alam Sekitar</p> <p>8.4.1 Kitar Semula</p> <ul style="list-style-type: none">○ Kertas○ Aluminium○ Komposting <p>8.4.2 Memelihara sungai/air</p> <p>8.4.3 Memelihara hutan / tumbuhan</p> <ul style="list-style-type: none">○ menanam pokok○ membersihkan pantai, tepi sungai <p>8.4.4 Menjimat tenaga</p> |
|---|--------------|--|

RANCANGAN TAHUNAN

| BIL | TARIKH | MASA | BIDANG | TAJUK | TEMA | TEMPAT | TINDAKAN | SASARAN | CATATAN (CADANGAN AKTIVITI) |
|-----|--------|----------------|---|---|-----------------------------------|----------------|---|--|--|
| 1 | JAN | 2 jam | Pengurusan & Pentadbiran | Mesyuarat Agung dan pembentukan AJK (Peringkat sekolah) | Pemimpin 360 ⁰ | Bilik / kelas | Guru Pemimpin | Puteri | Taaruf, Pembahagian Kumpulan & Tugas |
| 2 | FEB | 2 jam | Pengurusan & Pentadbiran/ Kerohanian | Pengenalan PPIM | Tak Kenal Maka Tak Sayang | Bilik / kelas | Guru Pemimpin | Puteri | Sejarah PPIM, Tatacara Perjumpaan & Penutupan, Kawad Kaki Asas |
| 3 | FEB | 2 jam | Kerohanian / Kemahiran | Hari Kebesaran Islam - Maulidul Rasul | Kenali Nabi Kita | Dewan | Guru Pemimpin & GPI | Semua Murid Islam | Kuiz, Ceramah, Persembahan Nasyid, Pentomin |
| 4 | MAC | 2 jam | Kesihatan & Tugas Pembangunan Diri / Kerohanian | Pendidikan Kesihatan Remaja | Puteri Sihat Anggun Bergaya | | Guru Pemimpin, Guru BDK, Guru Kesihatan | Murid-murid Perempuan Tahap 2 | Ceramah / Taklimat, Kuiz Kesihatan |
| 5 | APR | 2 Hari 1 Malam | Pendidikan Luar | Asas Perkhemahan | Berdikari Jatidiri Puteri Sejati | Padang Sekolah | Guru Pemimpin | Puteri | Kawad, Gajet, Masakan Tanpa Alatan & Ikatan |
| 6 | MEI | 2 jam | Kemahiran / Alam Sekita | Gubahan Bahan Terbuang | Puteri Kreatif | Padang Sekolah | Guru Pemimpin | Puteri | Kitar Semula Bahan |
| 7 | JUN | 2 jam | Keluarga dan Masyarakat | Gotong-royong Keceriaan | Muafakat Membawa Berkat | Pusat Sumber | Guru Pemimpin & GPI | Puteri | Menampal / menggantung BBM, |
| 8 | JUL | 2 jam | Pendidikan Luar | Sukan & Permainan | Al Aqlu Salim Fi Jismi Salim | Padang Sekolah | Guru Pemimpin & Guru PJK | Puteri | Sukaneka, Sukan Tradisional, Senamrobik |
| 9 | OGOS | 2 jam | Pertolongan Cemas | Anduh Dan Balutan | Berbakti Demi Kemanusiaan | Bilik / Padang | Guru Pemimpin & Guru Kesihatan | Puteri | Demonstrasi & Penyelesaian Masalah |
| 10 | SEPT | 2 jam | Dokumentasi | Mengemaskini Buku Log dan Tugas | Bertanggungjawab Merugikan Masa | Bilik / Kelas | Guru Pemimpin | Puteri | Guru mengemaskini Kad Rekod Penilaian |
| 11 | OKT | 1 hari | Kemahiran / Keluarga & Masyarakat | Jamuan Akhir Tahun & Penyampaian Sijil | Bertemu & Berpisah Adat Kehidupan | Biik Sains | Guru Pemimpin | Puteri, Guru Pemimpin & Guru-guru lain | Puteri menyediakan juadah dan menguruskan jamuan |
| 12 | NOV | 1 hari | Dokumentasi | Penyerahan tugas | Amanah & Bertanggungjawab | Bilik Guru | Guru Pemimpin | Guru Pemimpin & AJK PPIM sekolah | Guru menyerahkan tugas dan fail induk kepada GPK Kokum |

RANCANGAN MINGGUAN

| MASA | KOMPONEN GABUNG JALIN | PENGISIAN ILMU | CARA PELAKSANAAN (AKTIVITI) | PELAN TINDAKAN | ABM/APD | MARKAH PENILAIAN (CATATAN) |
|----------|------------------------------|---|--|--|---|----------------------------|
| 15 minit | Teras | Tatacara perjumpaan | -Bacaan Al-Fatihah - Doa -Asmaul Husna -Lagu Negaraku, Sabah Tanah Airku, Lagu Puteri (Menaikkan bendera) -Bacaan Ikrar -Amanat pemimpin | Guru menyediakan cd lagu, bendera dan ikrar puteri. | CD lagu puteri Bendera | |
| 15 minit | Keluarga dan Masyarakat | Keluarga Bahagia | Pengenalan tentang erti keluarga, ciri-ciri keluarga bahagia,tanggungjawab setiap ahli keluarga bagi mengatasi masalah keluarga. | Guru pemimpin menerangkan konsep keluarga bahagia dan menayangkan slide show keluarga bahagia. | Gambar/ slide show Carta keluarga | |
| 20 minit | Kesihatan Jasmani dan Rohani | Penagihan : mengambil bahagian untuk menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada penagihan dadah. | Guru mendedahkan gejala sosial yang boleh meruntuhkan kebahagiaan sesebuah keluarga | Guru menyediakan tugas kumpulan untuk puteri (membuat folio tentang ciri-ciri yang mempengaruhi keruntuhan institusi kekeluargaan) | Surat khabar Alat kelengkapan untuk membuat folio | 10 markah |
| 10 minit | Teras | Tatacara penutupan | -Amanat guru pemimpin -Lagu puteri -Turunkan bendera - Tasbih kafarah -Surah al-Asr -Salawat ke atas nabi S.A.W sambil bersalaman | Puteri membuat refleksi dan guru pemimpin membuat rumusan | | |

ASMAUL HUSNA

أَسْمَاءُ الْحُسْنَى

نَسْتَعْلِكُ يَا مَنْ هُوَ اللهُ الَّذِي لِأَلَةٍ إِلَّا هُوَ

| | | | | | | | | | |
|---------------|--------------|--------------|-------------------|----------------------------------|-------------|--------------|---------------|-------------|----------------|
| الرَّحْمَنُ | الرَّحِيمُ | الْمَلِكُ | الْقُدُّوسُ | السَّلَامُ | الْمُؤْمِنُ | الْمُهَيَّبُ | الْعَزِيزُ | الْجَبَّارُ | الْمُتَكَبِّرُ |
| الْحَالِقُ | الْبَارِئُ | الْمَصَوِّرُ | الْعَقَّارُ | الْقَهَّارُ | الْوَهَّابُ | الرَّزَّاقُ | الْفَتَّاحُ | الْعَلِيمُ | الْقَابِضُ |
| الْبَاسِطُ | الْحَافِضُ | الرَّافِعُ | الْمُعِزُّ | الْمُدِلُّ | السَّمِيعُ | الْبَصِيرُ | الْحَكَمُ | الْعَدْلُ | اللَّطِيفُ |
| الْحَبِيبُ | الْحَلِيمُ | الْعَظِيمُ | الْعَفُورُ | الشَّكُورُ | الْعَلِيُّ | الْكَبِيرُ | الْحَفِيفُ | الْمُقِيتُ | الْحَسِيبُ |
| الْجَلِيلُ | الْكَرِيمُ | الرَّقِيبُ | الْمُجِيبُ | الْوَاسِعُ | الْحَكِيمُ | الْوَدُودُ | الْمَجِيدُ | الْبَاعِثُ | الشَّهِيدُ |
| الْحَقُّ | الْوَكِيلُ | الْقَوِيُّ | الْمَتِينُ | الْوَلِيُّ | الْحَمِيدُ | الْمُحْصِي | الْمُبْدِي | الْمُعِيدُ | الْمُحْيِي |
| الْمُمِيتُ | الْحَيُّ | الْقَيُّومُ | الْوَاحِدُ | الْمَاجِدُ | الْوَاحِدُ | الْأَحَدُ | الصَّمَدُ | الْقَادِرُ | الْمُقْتَدِرُ |
| الْمُقَدِّمُ | الْمُؤَخَّرُ | الْأَوَّلُ | الْآخِرُ | الظَّاهِرُ | الْبَاطِنُ | الْوَالِي | الْمُتَعَالِي | الْبَرُّ | التَّوَّابُ |
| الْمُنْتَقِمُ | الْعَفُوفُ | الرَّؤُوفُ | مَالِكُ الْمَلِكِ | ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ | الْمُقْسِطُ | الْجَامِعُ | الْعَظِيمُ | الْمُعْنِي | الْمَانِعُ |
| الصَّارُ | النَّافِعُ | النُّورُ | الْهَادِي | الْبَدِيعُ | الْبَاقِي | الْوَارِثُ | الرَّشِيدُ | الصَّبُورُ | |

TASBIH KAFFARAH

TASBIH KAFFARAH

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ .

"Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu"

DOA PERJUMPAAN/PENUTUPAN

DOA PERJUMPAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ, وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Ya Allah, Ya Karim

Sesungguhnya kami berhimpun pada hari ini, bagi menyatakan kesyukuran di atas kurniaan-Mu yang tidak ternilai. Jadikanlah kami hamba-hamba-Mu yang sentiasa bersyukur sama ada nikmat yang sedikit lebih-lebih lagi nikmat yang melimpah ruah kepada kami .

Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim

Sesungguhnya engkau Maha Mengetahui bahawa kami di sini ingin menimba ilmu-Mu yang sangat luas bagi mengembangkan potensi kami sebagai hamba-Mu yang engkau redhai.

Justeru berkati dan rahmatilah perhimpunan kami ini. Kurniakanlah kepada kami ilmu-Mu. Sinarilah hati-hati kami dengan cahaya dan hidayah-Mu. Semoga dengannya kami mudah menerima dan menghayati serta mengamalkannya.

Ya Zal Jalali Wal Ikram,

Kurniakanlah jua kepada kami kesihatan anggota, kecergasan minda, ketenangan jiwa, kekuatan semangat. Semoga dengannya kami mampu mendepani cabaran, berdaya saing dan mampu mengangkat martabat diri, keluarga, masyarakat dan negara.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا ، وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُومًا ، وَلَا تَجْعَلِ اللَّهُمَّ فَيْنَا وَلَا مَعَنَا وَلَا مَنْ يَتَّبِعُنَا شَقِيًّا وَلَا مَطْرُودًا وَلَا مَحْرُومًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ خَيْرَ أَعْمَارِنَا ءَاخِرُهُ وَخَيْرَ أَعْمَالِنَا خَوَاتِمُهُ وَخَيْرَ أَيَّامِنَا يَوْمَ الْقَاكَ فِيهِ

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

وَصَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

DOA PENUTUP

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِنَا الْأَمِينِ وَعَلَى آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ .

Ya Allah Engkaulah Penguasa Langit dan bumi serta pebendaharaan antara keduanya .

Ya Allah \kami merafakkan kesyukuran di atas keizinan-Mu untuk kami berkampung selama (Nyatakan bilangan hari) dalam (Nyatakan Nama Kursus) . Kami juga bersyukur kerana Engkau mengizinkan kami menghadiri diri , emosi dan roh kami sehingga dapat menyelesaikan kursus ini dengan jayanya .

Ya Allah Bagi-Mu segala puji dan puja ,

Kurniakanlah kami lisan yang lembut basah ,mengingati dan menyebut nama-Mu , hati yang penuh segar mensyukuri nikmat-Mu serta badan yang ringan menyempurnakan ketaatan kepada perintah-Mu.

Ya Munzilar Rahmat wa Ya Fatihal Barakat ,

Kembangkanlah lembayung dan gelombang rahmat-Mu kepada kami , ibu bapa kami , keluarga dan anak-anak kami , guru-guru kami , anak-anak didik kami di sekolah , sahabat-sahabat seperjuangan dalam bidang pendidikan .

Ya Allah , Qaadhial Hajat ,

Tika dan saat ini kami hulurkan tangan kehambaan yang penuh dengan noda dan dosa serta tangan penuh dengan pengharapan ,

Sesungguhnya kami berlumuran dengan dosa , maka ampunkanlah dosa-dosa kami ;

Sesungguhnya kami lemah dalam sendirian , maka kuatkanlah kami dan Islam dalam amal jama'i'e dan kolektif ;

Sesungguhnya kesabaran kami punya batasnya , maka kurniakanlah kami nikmat kesabaran seumpama sabarnya Nabi-nabi Ulul'azmi ;

Sesungguhnya kami amat cenderung untuk mengutamakan diri kami , maka didiklah hati kami untuk mengutamakan keperluan saudara-saudara seagama kami sebagaimana Kekasih-Mu mendidik para sahabat baginda berbuat demikian;

Sesungguhnya hati kami juga sentiasa berbolak balik dan bercerai berai , maka satukanlah hati-hati kami dan berikanlah kami ruang dan masa untuk bantu-membantu dalam menegakkan amal makruf dan nahi mungkar .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا ، وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُومًا ، وَلَا تَجْعَلِ اللَّهُمَّ فِينَا وَلَا مَعَنَا وَلَا مَنْ يَتَّبِعُنَا شَقِيًّا وَلَا مَطْرُودًا وَلَا مَحْرُومًا

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

DOA-DOA HARIAN

DOA MASUK TANDAS
 اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ
 YA ALLAH, SESUNGGUHNYA AKU MEMOHON PERLINDUNGAN
 DARIPADA GANGGUAN SYAITAN JANTAN DAN BETINA

DOA SEBELUM MAKAN
 اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيْمَا رَزَقْتَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
 YA ALLAH, BERKATILAH KEPADA KAMI APA JUA REZEKI YANG BERIKAN
 BERIKAN KEPADA KAMI DAN JAUHKANLAH KAMI DARI AZAB API NERAKA.

DOA KELUAR TANDAS
 غُفْرَانَكَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى وَعَافَانِي
 AKU MEMOHON AMPUN DARIMU YA ALLAH, SEGALA PUJI BAGIMU YA ALLAH
 YANG TELAH MENGHILANGKAN PENYAKIT DARIPADAKU DAN TELAH MENYIYHATKANMU

DOA SELEPAS MAKAN
 الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا وَجَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ
 SEGALA PUJI PADU ALLAH YANG TELAH MEMBERI KITA MAKAN DAN
 MINUM DAN TELAH MENJADIKAN KITA SEBAGAI ORANG MUSLIM

DOA UNTUK IBUBAPA
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَلِوَالِدَيَّ وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا
 YA ALLAH, AMPUNILAH BAGIKU SEGALA DOSAKU DAN JUGA DOSA KEDUA IBUBAPAKU DAN KAKAK/IBUKU
 MEREKA KEDUANYA SEBAGAIMANA MEREKA MEMELIHARA DAN MEMODIKU DI MASA KECIL

DOA BELAJAR
 اللَّهُمَّ افْتَحْ عَلَيْنَا حِكْمَتَكَ وَأَنْشُرْ عَلَيْنَا مِنْ خَزَائِنِ رَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ
 WAHAJ TUHAN KAMI, BUKALAH KE ATAS KAMI HIKMAHMU DAN BENTANGKAN
 KE ATAS KAMI GEDUNG RAHMATMU, WAHAJ TUHAN YANG MAHA PENGASIH

DOA MEMOHON PETUNJUK & KEJAYANAN
 رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَمَهْيًا لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا
 YA TUHAN KAMI, BERILAH KAMI KAHAYAT GARI SISIMU, DAN SEDIAKANLAH
 PETUNJUK UNTUK KAMI DALAM MENYELESAIKAN URUSAN KAMI

DOA PENERANG HATI
 رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي
 WAHAJ TUHANKU, LAPANGKANLAH BAGIKU DADAKU DAN MUDAHKANLAH BAGIKU
 URUSANKU DAN BUKALAH SIMPULAN DARI LIDAHKU SUPAYA MEREKA FAHAM UCAPANKU

DOA MELIHAT GERMIN
 اللَّهُمَّ كَمَا حَسَنْتَ خَلْقِي فَحَسِّنْ خُلُقِي
 YA ALLAH, ENGKAU TELAH PERINDAHKAN KEJADIANKU,
 MAKA INDAHKANLAH BUDI PEKERTIKU

DOA DIBERIKAN KESIHATAN
 اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَدَنِي
 YA ALLAH SEJAHTERAKAN BADANKU
 اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي سَمْعِي
 YA ALLAH SEJAHTERAKAN PENDENGARANKU
 اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَصَرِي
 YA ALLAH SEJAHTERAKAN PENGLIHATANKU

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا ، وَرِزْقًا
 طَيِّبًا ، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

“Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-MU ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.”

RUKUN ISLAM

- ✚ Mengucap dua kalimah syahadah
- ✚ Menunaikan solat lima waktu
- ✚ Berpuasa di bulan Ramadan
- ✚ Menunaikan zakat
- ✚ Mengerjakan haji/umrah

RUKUN IMAN

- ✚ Beriman kepada Allah
- ✚ Beriman kepada malaikat
- ✚ Beriman kepada kitab
- ✚ Beriman kepada Rasul
- ✚ Beriman kepada hari kiamat
- ✚ Beriman kepada qada' dan qadar

ZIKIR MUNAJAT

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Maha Suci Allah Dan Segala Pujian Bagi Allah Serta Tidak Ada Tuhan
Melainkan Allah Dan Allahlah Yang Maha Besar (33X)

اللَّهُ ، اللَّهُ ، اللَّهُ ، يَا اللَّهُ

Allah , Allah , Allah , Ya Allah

حَسْبِيَ رَبِّيَ جَلَّ اللَّهُ ، مَا فِي قَلْبِي غَيْرُ اللَّهِ ، نُورٌ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ

Cukuplah Allah Yang Maha Agung Sebagai Tuhanku , Tiada Di Dalam
Hatiku Melainkan Allah Dan Nur (Cahaya) Muhammad S.A.W. (5X)

تُبْنَا إِلَى اللَّهِ وَرَجَعْنَا إِلَى اللَّهِ وَنَدِمْنَا عَلَى مَا فَعَلْنَا

Kami bertaubat kepada Allah dan kami kembali kepada Allah , dan kami menyesal
di atas apa yang telah kami lakukan

فَسُبْحَانَ مَنْ لَا يَقْدِرُ الْخَلْقُ قَدْرَهُ

Maha Suci Allah Yang mana tiada kekuasaan makhluk yang boleh mengatasi kekuasaan-Nya

وَمَنْ هُوَ فَوْقَ الْعَرْشِ فَرْدٌ مُوَحَّدٌ

Dialah satu-satunya yang bersemayam di atas 'arasy yang diesakan

مَلِيكَ عَلَى عَرْشِ السَّمَاءِ مُهَيَّمِنٌ

Raja Maha Gagah Yang Menguasai kerajaan langit

لِعِزَّتِهِ تَعْنُو الْوُجُوهُ وَتَسْجُدُ

Kerana kebesaran-Nya itu (maka) tunduk dan sujudlah segala makhluk (wajah-wajah)

حَسْبِيَ رَبِّيَ جَلَّ اللَّهُ ، مَا فِي قَلْبِي غَيْرُ اللَّهِ ، نُورٌ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ

Cukuplah Allah Yang Maha Agung sebagai Tuhanku , Tiada di dalam
hatiku melainkan Allah dan nur (cahaya) Muhammad s.a.w.

لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ كَاشِفَةٌ

Tidak ada yang lain (dihatiku) melainkan Allah sebagai tempat pemberi hidayah (10X)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ

Tiada Tuhan melainkan Allah Raja Yang Maha Besar
Nabi Muhammad itu Rasul Allah yang benar segala janji-janjinya lagi dipercayai (10X)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ تَوَّابًا

Aku memohon ampun daripada Allah sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat

LAPORAN AKTIVITI

Laporan Mingguan PPIM

Tarikh : 23 Jun 2021

Masa : 8 -10 Pagi

Tempat : Dalam aplikasi *Google Meet*

Jurulatih bertugas : Dr. Hjh. Rohani Binti Seman

Kehadiran : 27 orang

Nama ahli yang tidak hadir : Tiada

- Berkumpul di Google Meet pada pukul 8 pagi
- Mengisi kehadiran yang diberikan melalui Google Clasroom

Aktiviti :

- 1) Melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan dan pelantikan AJK PPIM IPG Kampus Darulaman.
- 2) Pembahagian kumpulan dan tajuk untuk pembentangan bagi setiap minggu.
- 3) Membincangkan pelaksanaan aktiviti unit beruniform tahunan.
- 4) Majlis ditutup dengan tasbih Kaffarah dan surah al-Asr.

LAPORAN AKTIVITI

Laporan Mingguan PPIM

Tarikh : 30 Jun 2021

Masa : 8 -10 Pagi

Tempat : Dalam aplikasi *Google Meet*

Jurulatih bertugas : Dr. Hjh. Rohani Binti Seman

Kehadiran : 27 orang

Nama ahli yang tidak hadir : Tiada

- Berkumpul di Google Meet pada pukul 8 pagi
- Mengisi kehadiran yang diberikan melalui Google Clasroom

Aktiviti :

- 1) Pembentangan kumpulan pertama dan kedua.
- 2) Pengenalan perinsip-prinsip asas dan sejarah penubuhan PPIM.
- 3) Membincangkan tatacara perjumpaan untuk dipraktikkan pada minggu-minggu akan datang.
- 4) Pendedahan struktur dan carta organisasi serta aktiviti-aktiviti kokurikulum utama dalam PPIM.
- 5) Menerima maklum balas pensyarah berkenaan pembentangan dan aktiviti-aktiviti dalam perjumpaan PPIM.
- 6) Majlis ditutup dengan tasbih Kaffarah dan surah al-Asr.

LAPORAN AKTIVITI

Laporan Mingguan PPIM

Tarikh : 07 Julai 2021

Masa : 8 -10 Pagi

Tempat : Dalam aplikasi *Google Meet*

Jurulatih bertugas : Dr. Hjh. Rohani Binti Seman

Kehadiran : 27 orang

Nama ahli yang tidak hadir : Tiada

- Berkumpul di Google Meet pada pukul 8 pagi
- Mengisi kehadiran yang diberikan melalui Google Classroom

Aktiviti :

- 1) Melaksanakan tatacara perjumpaan PPIM seperti yang telah dibincangkan pada minggu sebelumnya.
 - Bacaan selawat
 - Bacaan Asmaul Husna
 - Bacaan Ikrar Puteri
 - Nyanyian Lagu Puteri
 - Bacaan surah al-Fatihah
- 2) Pembentangan kumpulan ketiga dan keempat.
- 3) Menerima maklum balas pensyarah berkenaan pembentangan dan aktiviti-aktiviti dalam perjumpaan PPIM.
- 4) Sedikit perbincangan mengenai maklumat kerja kursus.
- 5) Majlis ditutup dengan tasbih Kaffarah dan surah al-Asr.

RUJUKAN

- Nuraina & Tengku. (2021). *MPU3062*. Retrieved from
<file:///C:/Users/user/Downloads/TAJUK%20MINGGU%20%20PPIM.pdf>
- Nurlyana Ezani. (2019, Jun 6). *PUTERI ISLAM (UB) : Carta Organisasi & Kategori Pangkat*. Retrieved from ezadayana.blogspot.com:
<https://ezadayana.blogspot.com/2019/06/puteri-islam-carta-organisasi-puteri.html>
- Rais Wahab. (2013, Feb 24). *Pergerakan puteri islam*. Retrieved from slideshare.net:
<https://www.slideshare.net/tokumong/pergerakan-puteri-islam>
- Siti Mastura. (2018, Julai 25). *354541861 pengenalan-dan-sejarah-ppim*. Retrieved from slideshare.net: <https://www.slideshare.net/SitiMastura3/354541861-pengenalandisejarahppim>
- SK Kolapis. (n.d.). *SENARAI TANGGUNGJAWAB GURU PEMIMPIN/PENASIHAT*. Retrieved from
<https://saidi90107.tripod.com/sitebuildercontent/sitebuilderfiles/puteriislam.pdf>
- Unit Kokurikulum SK Tasik Damai. (2012, Januari 10). *BUKU LOG PPIM*. Retrieved from unitkokosktd.blogspot.com: <http://unitkokosktd.blogspot.com/2012/01/buku-log-ppim.html>



LAMPIRAN

Peraturan/Perlembagaan Puteri Islam

PUTERI ISLAM SEK.KEB.KOLAPIS,BELURAN PERATURAN-PERATURAN[PERLEMBAGAAN]PERSATUAN

Pada mematuhi Subperaturan 5(1)(a) dalam persatuan-persatuan Pendidikan(Persatuan Sekolah) 1998.Akta Pendidikan 1996 seperti dalam warta kerajaan Malaysia Jilid 42,No.11 Tambahan No.41,Perundangan (A):P.U.(A) 196 bertarikh 21 Mei 1998,maka berikut ini dikemukakan peraturan-peraturan[perlembagaan]Pergerakan Puteri Islam Sek.Keb.Kolapis,Beluran yang selepas ini disebut sebagai"persatuan"sahaja.

PERATURAN 1 : NAMA DAN ALAMAT

1.1 Nama Persatuan : Pergerakan Puteri Islam

Sek.Keb.Kolapis,Beluran

1.2 Alamat: Sek.Keb.Kolapis,Peti Surat 51,90107 Beluran

PERATURAN 2 : MATLAMAT

Memberikan peluang kepada setiap pelajar untuk mengembangkan potensi secara seimbang dan menyeluruh dalam aspek jasmani,emosi,rohani dan intelek.

PERATURAB 3 : OBJEKTIF

3.1 Supaya ahli dapat menganggotai Pasukan Pakaian Seragam(Puteri Islam)dengan lebih terpimpin dalam menimba ilmu dan memupuk semangat bertanggungjawab dan disiplin diri.

3.2 Ahli-ahli pergerakan Puteri Islam akan seberapa daya dan usaha untuk mencapai tahap yang paling tinggi dalam aktiviti yang diceburi terutama melalui persembahan nasyid,ujian kecekapan amali dan praktikal.

PERATURAN 4 : KEAHLIAN

4.1 Terbuka kepada pelajar Tahap Dua(Tahun 3 hingga Tahun 6)

Khas Untuk Sekolah Kebangsaan Kolapis dan Perujuk

- 4.2 Permohonan menjadi ahli adalah dengan mengisi borang pilihan mengikut aktiviti
- 4.3 Ahli-ahli mestilah menerima serta bersetuju berpegang kepada perlembagaan dan akan mengambil bahagian dengan aktifnya untuk menjayakan tujuan persatuan ini.

PERATURAN 5 : GURU PENASIHAT

- 5.1 Terdiri daripada guru-guru perempuan yang bertugas di sekolah ini
- 5.2 Hendaklah memberikan nasihat dan merancang\melaksanakan aktiviti yang disasarkan
- 5.3 Hendaklah sentiasa bersama dengan ahli-ahli sepanjang aktiviti dijalankan mengikut jadual, tarikh dan masa yang ditetapkan.
- 5.4 Menjadi pengiring apabila ahli terlibat dengan aktiviti di luar sekolah sama ada berbentuk penyertaan, jemputan atau pertandingan.

PERATURAN 6 : AHLI JAWATANKUASA

- 6.1 Dilantik semasa mesyuarat agung
- 6.2 Ahli yang hadir layak dicalonkan sebagai ahli jawatankuasa manakala ahli yang tidak hadir tetapi ada menulis surat rasmi sebagai tunjuk sebab layak dicalonkan untuk sebarang jawatan.
- 6.3 Pemilihan ahli jawatankuasa secara undian
- 6.4 Ahli jawatankuasa kecil boleh dilantik oleh guru penasihat tanpa mengadakan mesyuarat
- 6.5 Ahli jawatankuasa yang hendak meletak jawatan hendaklah menghantar surat perletakan jawatan kepada guru penasihat terdiri
- 6.6 Ahli Jawatankuasa Persatuan Hendaklah terdiri
 - 6.6.1 Pengerusi
 - 6.6.2 Naib Pengerusi
 - 6.6.3 Setiausaha
 - 6.6.4 Penolong Setiausaha
 - 6.6.5 Bendahari
 - 6.6.6 Penolong Bendahari
 - 6.6.7 AJK [bilangan bergantung keperluan]
 - 6.6.8 Juruaudit [dua orang]

PERATURAN 7 : TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

7.1 Pengerusi

- 7.1.1 Mmpengerusikan setiap mesyuarat
- 7.1.2 Meneliti minit mesyuarat dan memastikan segala keputusan mesyuarat adalah wajar dan mengikut agenda yang ditetapkan
- 7.1.3 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

7.2 Naib Pengerusi

- 7.2.1 Membantu pengerusi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi
- 7.2.2 Mmpengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan pengerusi
- 7.2.3 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

Khas Untuk Sekolah Kebangsaan Kolapis dan Perujuk

7.3 Setiausaha

- 7.3.1 Mengurus surat-menyurat
- 7.3.2 Mencatat minit mesyuarat/laporan dan menandatangani
- 7.3.3 Menyimpan fail/dokumen berkaitan dengan persatuan
- 7.3.4 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

7.4 Penolong Setiausaha

- 7.4.1 Membantu setiausaha dalam menjalankan segala tugas dan tanggungjawabnya
- 7.4.2 Menjalankan tugas setiausaha semasa ketiadaan setiausaha
- 7.4.3 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

7.5 Bendahari

- 7.5.1 Bertanggungjawab terhadap hal-hal kewangan persatuan
- 7.5.2 Membuat penyata dan menyimpan kira-kira berkenaan kewangan persatuan
- 7.5.3 Menyediakan laporan wang terimaan dan wang perbelanjaan dan dibentangkan semasa mesyuarat agung
- 7.5.4 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

7.6 Penolong Bendahari

- 7.6.1 Menjalankan tugas bendahari semasa ketiadaan bendahari
- 7.6.2 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

7.7 Ahli Jawatankuasa

- 7.7.1 Membantu melaksanakan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh persatuan
- 7.7.2 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

7.8 Pemeriksa kira-kira

- 7.8.1 Memeriksa, menyemak serta mengesahkan laporan kewangan tahunan persatuan dan bertanggungjawab ke atasnya
- 7.8.2 Memastikan penggunaan kewangan diurus dengan betul
- 7.8.3 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

PERATURAN 8 : KEWANGAN

- 8.1 Sumber kewangan persatuan adalah melalui derma yang diputuskan semasa mesyuarat agung dan telah diputuskan sebanyak ringgit Malaysia RM0.20 sebulan untuk setiap ahli
- 8.2 Memohon bantuan kewangan daripada pihak sekolah jika perlu
- 8.3 Ahli-ahli yang terpilih mewakili sekolah mengikut sebarang aktiviti di peringkat daerah akan layak menerima RM 5.00, peringkat Bahagian RM 10.00 Peringkat Negeri RM 30.00 dan Peringkat Kebangsaan RM 50.00 setiap seorang daripada pihak sekolah.
- 8.4 Semua pungutan/penyimpanan boleh dimasukkan ke dalam akaun SUWA sekolah sekiranya mendapat kelulusan Guru Besar.

PERATURAN 9 : KEHADIRAN \PNENYERTAAN

Khas Untuk Sekolah Kebangsaan Kolapis dan Perujuk

9.1 Ahli Persatuan dikehendaki menghadiri setiap aktiviti yang dijalankan oleh persatuan sepanjang tahun

9.2 Gagal menghadiri aktiviti sebanyak 3[tiga] kali berturut-turut dikehendaki menulis surat tunjuk sebab. Jika gagal berbuat demikian maka pemotongan markah dalam penilaian boleh dibuat oleh guru penasihat dan dicatat dalam buku rekod penilaian kokurikulum

9.3 Guru penasihat dikehendaki menyediakan\memohon kebenaran ibu bapa\penjaga kepada pelajar yang terlibat menyertai sebarang aktiviti, pertandingan, ujian dan seumpama di luar sekolah dengan mengemukakan borang pelepasan ibu bapa.

9.4 Semasa ahli menghadiri\menyertai apa juga jenis aktiviti seperti dalam perancangan tahunan, jemputan, pertandingan di dalam kawasan sekolah atau di luar sekolah[apa juga peringkat pertandingan/kejujutan\kelolaan] jika terdapat kecederaan/kecelakaan maka pihak sekolah dan ibu bapa\penjaga perlu bekerjasama menjaga kebajikan ahli berkenaan.

PERATURAN 10 : AKTIVITI

10.1 Dijalankan seperti yang dirancang dalam mesyuarat AJK

10.2 Aktiviti boleh ditunda atau disesuaikan mengikut keperluan dan keadaan. Guru penasihat akan mengumumkan kepada ahli

PERATURAN 11 : PERATURAN-PERATURAN

11.1 Peraturan Sekolah adalah menjadi peraturan asas

11.2 Peraturan khas yang ditetapkan hendaklah dipatuhi oleh ahli sepenuhnya

11.3 Ahli yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan tatatertib

PERATURAN 12 : TINDAKAN DISIPLIN

12.1 Akan di ambil terhadap ahli yang melanggar perlembagaan persatuan\peraturan semasa

12.2 Tindakan disiplin adalah mengikut Amaran Lisan dan Amaran Bertulis

12.3 Ahli yang tidak berpuashati terhadap tindakan keatasnya, boleh membuat surat rayuan dan semakan salah laku melalui guru penasihat dan keputusan berikutnya adalah muktamad.

PERATURAN 13 : PINDAAN PERLEMBAGAAN

11.1 Mana-mana bahagian dalam perlembagaan ini sah sehingga dipinda melalui pekelingan persatuan\kelab\unit.

11.2 Cadangan pindaan perlembagaan boleh dibuat oleh ahli-ahli jawatankuasa, guru penasihat atau pentadbir sekolah. dan disahkan oleh guru besar.

PERATURAN 14 : PEMBUBARAN PERSATUAN\UNIT\KELAB

14.1 Guru Besar diberi kuasa untuk membubarkan persatuan\unit\kelab jika didapati melanggar perlembagaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

14.2 Segala hutang wajib dijelaskan. Baki kewangan diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tergempar

PERATURAN 15 : HAL-HAL LAIN

15.1 Setiap ahli mestilah mengetahui tanggungjawab sendiri dan sentiasa menjaga sahsiah dan nama baik setiap ahli dan persatuan sepanjang masa

15.2 Ahli -ahli hendaklah sentiasa peka dan mengikuti setiap aktiviti dengan penuh kesungguhan.

